


Bab 10 :

PERKHEMAHAN



- 10.1 Panduan dan Peraturan Perkhemahan
- 10.2 Cara – cara Mendirikan Khemah
- 10.3 Aplikasi Ikatan Dan Simpulan
- 10.4 Ciri – ciri Keselamatan





4. PERKHEMAHAN

Satu Cara hidup sementara didalam persekitaran luar yang memerlukan seseorang melakukan sendiri tugas-tugas bagi memenuhi keperluan hidupnya sehari-hari dengan menggunakan bekalan dan peralatan yang seminima mungkin.

PANDUAN DAN PERATURAN PERKHEMAHAN

Pemilihan Kawasan / Tapak Perkhemahan

1. Tanah atau tapak yang rata

- a) Tapak khemah yang rata adalah bertujuan untuk memudahkan pemasangan khemah dan selesa sebagai tempat tidur atau berehat.
- b) Sebaik-baiknya walau pun tapak yang rata, cuba elakkan daripada kawasan yang terdapat akar-akar pokok atau batu yang menjadikan tapak khemah tersebut.
- c) Tapak yang rata juga akan mengelakkan daripada berlakunya air bertakung jika hujan atau bukan sebagai tempat laluan air ketika hujan turun.

2. Berhampiran punca air

- a) Apabila melakukan aktiviti perkhemahan, perkara yang utama harus difikirkan ialah mengenai punca air bersih.
- b) Air yang bersih digunakan untuk memasak, membersihkan diri dan sebagainya.
- c) Tapak perkhemahan haruslah berhampiran dengan punca air tidak kira sungai, anak



sungai, telaga, kolam atau sebagainya tetapi air tersebut hendaklah dipastikan kebersihannya supaya tidak berlaku kejadian tidak diingini seperti sakit perut atau penyakit lain yang boleh dijangkiti melalui air yang tidak bersih.

d) Punca air ini juga seharusnya diketahui dari mana datangnya dan melalui kawasan yang tiada pencemaran.

3. Jauh daripada dahan mati

a) Pemilihan tapak perkhemahan juga mesti berdasarkan kepada kawasan sekitar, khasnya perlu melihat pokok-pokok yang besar disekeliling kawasan perkhemahan tiada dahan mati atau ranting yang boleh membahayakan peserta perkhemahan.

b) Ini penting kerana jika berlaku tiupan angin yang kuat atau hujan, ranting serta dahan mati tersebut boleh menimpa khemah dan orang yang terdapat ditapak perkhemahan tersebut.

4. Tapak yang lebih tinggi dari punca air.

a) Pemilihan tempat atau tapak yang tinggi dan rata ini adalah penting untuk mengelakkan daripada dihanyutkan air jika berkhemah di tepi sungai dan air pasang jika berkhemah di pantai.

5. Mudah untuk mendapatkan bantuan

a) Tapak perkhemahan yang dipilih juga haruslah berdasarkan kepada keadaan tempat yang mudah untuk mendapatkan bantuan jika berlaku sebarang kecemasan.

b) Tapak perkhemahan tersebut mungkin berhampiran kawasan kampung, laluan orang atau mudah dihubungi.



- c) Setiap aktiviti perkhemahan juga haruslah dimaklumkan kepada pihak berwajib seperti Polis dan Jabatan Perhutanan.
6. Mudah untuk mendapatkan bahan bakar.
- Apabila melakukan aktiviti perkhemahan, bahan bakar yang digunakan untuk memasak perlu diambil kira.
 - Jika memasak menggunakan dapur kayu iaitu ranting-ranting mati, tapak perkhemahan yang dipilih mestilah di kawasan yang mudah dan banyak untuk mendapatkan bahan tersebut.
7. Keselamatan kawasan perkhemahan.
- Keselamatan kawasan perkhemahan adalah penting.
 - Pastikan bahawa kawasan tersebut adalah bukan kawasan binatang buas dan mudah diganggu oleh penceroboh
- PANDUAN KESELAMATAN AIR TERJUN / SUNGAI / TASIK / KOLAM**
- Pengguna dinasihat membaca dan patuh kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat penggunaan di papan tanda sebelum memasuki kawasan hutan lipur ini.
 - Seseorang yang tidak sihat atau berpenyakit adalah dilarang darimemasuki kolam renang.
 - Tiap-tiap perenang mesti patuh kepada penyelamat nyawa (life guard) atau mana-mana pegawai yang bertugas.
 - Semua perenang mesti memakai pakaian renang yang dibenarkan dansesuai.
 - Perbuatan seperti bergurau secara kasar atau terjun sesuka hati adalah dilarang semasa berada di kawasan air terjun, sungai, tasik atau kolam.
 - Untuk tujuan keselamatan, perenang adalah dinasihat keluar dari kawasan air terjun, sungai, tasik atau kolam semasa hujan dan ribut petir.



7. Adalah dinasihatkan perenang tidak memakai jam tangan atau sebarang bentuk perhiasan semasa berenang.
8. Makan dan minum tidak dibenar di sekitar kawasan air terjun, sungai, tasikatau kolam.
9. Pengguna dilarang meludah di dalam kawasan air terjun, sungai, tasik atau kolam dan lain-lain perkara yang boleh mencemarkan kebersihankawasan.
10. Pada bila-bila masa, pegawai yang bertugas adalah berhak menegahperenang dari berenang dan meminta mereka keluar daripada kawasanair terjun, sungai, tasik atau kolam
11. Tiap-tiap perenang adalah berenang di atas risiko mereka sendiri.
12. Pihak pengurusan tidak bertanggungjawab di atas apa-apa kemalangan yang berlaku pada perenang.
13. Untuk tujuan melaksanakan peraturan di atas, kawasan air terjun, sungai, Tasik atau kolam dalam kawasan Hutan Lipur ditakrifkan sebagai lingkaran kawasan seluas 4 meter disekeliling



4.1 CARA-CARA MENDIRIKAN KHEMAH

- Bentangkan hamparan (ground sheet)
- Pasang dan sambungkan tiang dan pancang dengan betul.
- Ketuk pancang keempat-empat penjuru.
- Bentangkan pelindung (fly sheet)
- Ikat tali khemah kepada pancang dikeempat-empat penjuru untuk mengukuhkannya.






4.2 APLIKASI IKATAN DAN SIMPULAN

- **SIMPULAN BUKU SILA/ REEFKNOT**



Ikatan Buku Sila digunakan untuk mengikat kain pembalut atau kain anduh; menyambung tali yang sama besar saiznya dan boleh digunakan untuk mematikan sebarang ikatan. Ikatan ini direka agar kedua-dua punca atau hujung tali tersebut senang dibuka semula.



- **SIMPUL MANUK /GLOVE HITCH**

Untuk mengikat tali kepadabalk atau tiang.


Memulakan dan mematikan ikatan seraya dan silang gunting






- **OVERHAND KNOT**

Untuk menandakan hose yang pecah dan bocor




- **HALFT HITCH**

Untuk memulakan dan mengakhiri ikatan dan membantu ikatan / simpulan menjadi kemas dan kuat



- **FIGURE OF EIGHT**


Untuk menandakan tali yang habis








- **FIGURE OF EIGHT WITH A FOLLOW THROUGH**

Untuk membuat ankor pada objek kekal contohnya pokok.



- **BOWLINE/ TINDIH KASIH**


Digunakan untuk membuat tajul yang tidak boleh mencerut






- **SHEET BEND**

Untuk menyambung dua tali yang tak sama besar dan licin



- **FISHERMAN KNOT**

Untuk menyambung tali yang sama besar



- **SHEEP SHANK**

Untuk memendekkan tali dengan tidak memotong tali dan menguatkan tali pada tempat yang remput dan hendak putus.





4.3 LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN PERKHEMahan

- a) Mestilah memakai kasut yang selamat semasa berjalan mencaribahan untuk perkhemahan.
- b) Berhati-hati semasa menggunakan peralatan tajam.
- c) Pastikan bahan-bahan yang berlebihan seperti keratan kayu,buluh selepas membuat kraft tidak dibiarkan berselerak.
- d) Pastikan setiap kraft yang dihasilkan mestilah betul-betul kukuh sebelum digunakan
- e) Pastikan bantuan sama ada rawatan kecederaan ringan atau melaporkan kepada bahagian pertolongan cemas untuk bantuan hendaklah disegerakan jika berlakunya kecederaan
- f) Jika berlakunya kecederaan berat mestilah disegerakan untuk dihantar ke hospital.
- g) Ubat nyamuk tidak dibenarkan dipasang di dalam atau terlalu hampir dengan khemah
- h) Khemah bukan tempat menjemur kain
- i) Tidak dibenarkan memasak di dalam khemah (khemah moden)
- j) Digalakkan makan diluar khemah untuk mengelakkansemut atau binatang lain daripada memasuki khemah
- k) Pastikan di luar dan dalam khemah sentiasa berkeadaan bersih dan kemas.
- l) Merokok adalah dilarang sama sekali di dalam khemah.
- m) Pastikan khemah yang dipasang adalah kukuh dan selamat untuk digunakan
- n) Memaklumkan kepada pensyarah penasihat, penunjuk cara atau kepada pengurus jawatankuasa perkhemahan jika menghadapi kesulitan seperti masalah kesihatan dan keselamatan
- o) Tiupkan wisel atau membunyikan sesuatu dengan kuat tanpa henti sehingga mendapat bantuan orang lain jika berlaku sebarang kecemasan

